

U 0053 AAB
MAHATHIR - SURAT R R R

KUALA LUMPUR, 8 NOV (BERNAMA) -- SURAT TAMARAN MENSANGSOTAI KABINET SUDAH DIHANTAR KEPADA ANGGOTA PARLIMEN SUA MUSANG TENSKU RAZALEIGH HANZAH, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

SURAT KEPADA BEKAS TINGALAN PERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM PULA AKAN DIHANTAR KEMUDIAN, KATANYA KEPADA PEMBERITA KETIKA MENSHADIRI RUMAH TERBUKA TINGALAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN DATUK S. SUBRAMANIAM SEMPENA HARI DEEPAVALI DI PETALING JAYA.

MENURUTNYA, SURAT KEPADA TENSKU RAZALEIGH DITANDATANGANI OLEHNYA, BELIAU BAGAIMANAPUN TIDAK MENYATAKAN BILA SURAT ITU DIHANTAR.

SEBELUM ITU KETIKA DITANYA OLEH PEMBERITA SEMASA MENSHADIRI MAJLIS DEEPAVALI YANG DIAADAKAN OLEH MENTERI KERJA RAYA DATUK S. SAMY VELLU DI SEBUAH HOTEL DI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SETAKAT INI MASIH TIDAK JAWAPAN TERHADAP SURAT BERKENAAN.

APABILA DITANYA SAMPA ADA SURAT ITU BERBENTUK RASMI ATAU TIDAK, BELIAU BERKATA: +SAYA TAK TAHULAH...ITU KENA TANYA DIA ORANG. SAYA TAK TAHU IA FORMAL ATAU TIDAK.+ -- LAGI.
1900HST 08 11 88

D389

U 0155 AAB
MAHATHIR - SURAT 2 KUALA LUMPUR (ULANSAN MENDEKULKAN PARA KEDUA)
R R R

PERDANA MENTERI MENGUMUMKAN TAMARANNYA KEPADA DATUK MUSA DAN TENSKU RAZALEIGH UNTUK MENYERTAI KABINETNYA SEBAGAI MENTERI TIDAK BERPTIFOLIO DENI PERPADUAN ORANG MELAYU, SEMASA MENSAMHIRI UCAPAN PENANGGUKHANNYA PADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 30 OKT LEPAS.

KETIKA DIMINTA MENGULAS MENGENAI PERJUMPAAN ANTARA DATUK MUSA DENGAN MENTERI BESAR JOHOR TAN SRI HAJI MUHYIDDIN YASSIN DI SINGAPURA MALAM AHAD LEPAS, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK NEMERIMA APA-APA LAPORAN MENGENAINYA.

KEPADA SOALAN PEMBERITA, SAMPA ADA BELIAU AKAN MENSHADIRI APA YANG DIKENALI SEBAGAI KONGRES PERPADUAN MELAYU YANG DIJADUALKAN SABTU DAN AHAD INI, BELIAU BERKATA, BELIAU TELAH MENYATAKAN PENDAPATNYA BERTHUBUNG DENGAN PERKARA ITU SEBELUM INI.

PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MERASHIKAN PERHIMPUNAN AGUNG UMNO PADA 28 OKT, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SELAGI ADA ORANG HENDAK MENUNJUKKAN KEHANDALAN MASING-MASING DENGAN MENGANJUKKAN KONGRES PERPADUAN ATAU MEMUBUHKAN PARTI YANG SAMA DENGAN UMNO, SELAGI ITULAH PERPECAHAN ORANG MELAYU AKAN BERTERUSAN. -- LAGI.
1907HST 08 11 88

MAHATHIR - SURAT 3 KUALA LUMPUR

DATUK MUSA DAN ISTERI DATIN ZULAIKHA SHEARDIN BERADA DI RUMAH DATUK SUBRAMANIAM KETIKA DATUK SERI DR MAHATHIR DAN DATUK SERI DATIH PADUKA DR SITI HASHAH TIBA PADA KIRA-KIRA PUKUL 1 TENGAH HARI.

HEREKA BAGAIMANAPUN DUDUK DI TEMPAT BERASINGAN -- PERDANA MENTERI DAN ISTERI DI DALAM RUMAH MANAKALA DATUK MUSA DAN ISTERI DI BAWAH KEMAH DI LUAR.

SEMASA DI MAJLIS DATUK SAMY VELLU DAN ISTERINYA DATIN INDRAMANI, PERDANA MENTERI DIBERIKAN PENGHORMATAN HENDONG KEK DEEPAVALI.

BERIBU-RIBU ORANG TERMASUK MENTERI, TINGALAN MENTERI, DUTA ASING HADIR PADA MAJLIS ITU YANG DIAADAKAN DARI PUKUL 9 PAGI HINGGA 3 PETANG. -- BERNAMA.
1932HST 08 11 88